

13/04/2002

AS tidak mampu perangai semua pegganas

iah Taib; Wan Hazmir Bakar

PETALING JAYA, Jumaat - Amerika Syarikat (AS) tidak mampu memerangi semua kumpulan pegganas antarabangsa dengan kekuatan ketenteraan berdasarkan matlamat sempit dan kepentingan sendiri semata-mata.

Pengerusi Institut Strategik dan Kajian Antarabangsa (Isis), Tan Sri Nordin Sopiee, berkata tindakan Amerika itu juga bukan saja mustahil, tetapi bodoh kerana bilangan kumpulan pegganas terlalu banyak.

Beliau berkata, Amerika sepatutnya perlu memperluaskan takrifan dan skop peperangan itu dengan bekerjasama dengan negara lain serta mengambil kira keperluan mereka.

Malah, katanya, kajian satu jawatankuasa di New York mendapati wujud 273 kumpulan pegganas di seluruh dunia.

"Untuk Amerika menghadapi semua kumpulan pegganas adalah mustahil dan bodoh. Justeru, peperangan yang lebih besar bukan terhadap Osama bin Laden atau Al-Qaeda, tetapi peperangan menentang keganasan di pelbagai negara dan masyarakat," katanya selepas sesi pertama persidangan Kemasyarakatan Asia Williamsburg di Hotel Sunway Lagoon Resort di sini, hari ini.

Noordin adalah seorang daripada empat pembentang kertas kerja pada sesi bertajuk "Peperangan Terhadap Keganasan: Kesan Terhadap Keamanan Dan Kestabilan Di Asia."

Pembentang lain ialah Pengarah Institut Kajian Keamanan dan Konflik, Pajamanabha R Chari, Pengarah Pusat Kajian Antarabangsa Shanghai, Pan Guang, dan Pengerusi South Asian Media Corporation, Javed Jabbar.

Persidangan itu yang dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam, dihadiri pegawai tertinggi dari Asia dan AS, termasuk wakil kerajaan, sektor perniagaan, media dan ahli akademik.

Nordin berkata, Amerika perlu sedar bahawa peperangan terhadap keganasan tidak boleh dimenangi dengan kekuatan ketenteraan semata-mata.

Katanya, punca berlakunya keganasan perlu diatasi, terutamanya menerusi pembangunan sosial, politik dan ekonomi memandangkan sebahagian besar keganasan dilakukan mereka yang terdesak.

Beliau berkata, golongan itu juga perlu diberi peluang meluahkan masalah mereka melalui saluran demokrasi dan tidak dihina atau ditekan sehingga mereka semakin terdesak.

"Kita juga perlu memenangi peperangan ideologi antara golongan moden sederhana dan pelampau tradisional," katanya.

Nordin juga bersetuju dengan pandangan Dr Mahathir bahawa Amerika kini sudah banyak berubah.

"Adalah penting Amerika berusaha sekali lagi menjadi negara yang disukai seperti sebelum ini," katanya.

Perdana Menteri, dalam ucaptamanya semalam berkata, Amerika pada satu ketika dulu paling disukai kerana kewujudan Peace Corp tetapi bantuan sedemikian tidak wujud lagi melainkan yang diiringi syarat ketat.

(END)